

SULIT

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam konteks soalan yang dikemukakan, Pelan Pengurusan Risiko (PPR) yang dimaksudkan adalah Pelan Pengurusan Risiko Rasuah. Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM ada menyediakan modul dan bengkel serta pegawai yang berkemahiran dalam bidang CRM yang bersedia membimbing mana-mana organisasi untuk menyediakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah dengan memberi keutamaan kepada organisasi korporat yang telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat dan sektor Kerajaan yang berisiko tinggi.

CRM adalah satu proses pengurusan yang membantu organisasi untuk mengenalpasti risiko-risiko rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta menyediakan pelan pengurusan risiko yang sistematik sehingga mewujudkan tadbir urus terbaik yang boleh menutup ruang peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Selain itu, Pelan Integriti Organisasi juga diwujudkan untuk memastikan usaha pemantapan integriti di agensi berkaitan

## SULIT

berterusan. Kedua-dua pelan ini selari dalam usaha mengurangkan risiko rasuah melalui pemeraksanaan budaya integriti, dan pemantauan terhadap pelaksanaan pelan ini sentiasa dipantau oleh pihak SPRM.

Sekian. Terima kasih.